

	<p>KENYATAAN / SIARAN AKHBAR Untuk maklumat lanjut sila hubungi: Bahagian Komunikasi Korporat Perbadanan Putrajaya Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8881 1008</p> <p>15/15-31. (65)</p>
---	---

**PERBADANAN PUTRAJAYA ANJUR TAKLIMAT KESEDARAN COVID-19
KEPADA WARGA EMAS PUTRAJAYA**

PUTRAJAYA, 17 JULAI 2020 – Seramai 130 peserta berumur 50 tahun ke atas menyertai program Kesedaran Covid-19 anjuran Perbadanan Putrajaya (PPj) bersama Pejabat Kesihatan Putrajaya bertempat di Dewan Seri Melati, Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3.


Taklimat disampaikan oleh Pegawai Perubatan Pejabat Kesihatan, Dr. Linayatul Najwa Binti Zakaria. Turut hadir bersama Presiden PPj, YBhg. Datuk Dr. Aminuddin Bin Hassim, dan Naib Presiden Jabatan Perkhidmatan Bandar PPj, YBhg. Datuk Azizi Bin Haji Ahmad Termizi.

Program yang julung kali diadakan merupakan inisiatif prihatin PPj sebagai langkah awal dalam menjaga dan melindungi warga emas di Putrajaya. Antara perkara-perkara yang ditekankan adalah faktor-faktor jangkitan Covid-19 serta amalan 3W dan amalan mengelakkan 3C.

Warga emas adalah golongan yang paling terkesan secara fizikal dan psikologikal kerana mereka adalah kumpulan yang berisiko tinggi mendapat jangkitan dan terdedah kepada komplikasi yang lebih serius. Oleh itu, golongan ini dilanda kerisauan dan perasaan tidak selamat. Taklimat ini adalah sebagai persediaan untuk warga emas Putrajaya menjalani kebiasaan baharu.

Sebagai usaha berterusan dalam menyebarkan maklumat-maklumat pencegahan Covid-19, PPj akan mengedarkan sebanyak 1,000 helaian poster dan brosur kepada penduduk. Taklimat kesedaran ini juga akan diteruskan di peringkat Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan Putrajaya dan kawasan Rukun Tetangga pada bulan Ogos akan datang. PPj juga turut memberi sumbangan bantuan *Personal Protection Equipment* (PPE) kepada semua sekolah menengah dan sekolah kebangsaan Putrajaya yang telah dibuka semula secara berperingkat bermula 24 Jun 2020.

Untuk pertanyaan lanjut berhubung Taklimat Kesedaran Covid-19 Kepada Warga Emas di Wilayah Persekutuan Putrajaya, sila hubungi En. Mohd Fairus Bin Mohd Padzil di talian 03-8887347 / 019-3354346.



(TENGGU AINA BINTI YTM TENGGU ISMAIL SHAH)

Pengarah

Bahagian Komunikasi Korporat

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 15 Julai 2020